



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

PENEMUAN BANGKAI BURUNG MERPATI DI PADANG IPOH – PENYAKIT BERJANGKIT TIDAK DIKESAN

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan penerimaan aduan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (DVS Perak) tentang penemuan sejumlah besar bangkai burung merpati di sekitar kawasan pancuran air di Padang Ipoh.

Aduan tersebut diterima daripada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 4 Mei 2025. Susulan itu, satu lawatan tapak dan sesi temu siasat telah dijalankan oleh pihak DVS Perak ke lokasi kejadian pada jam 2.05 petang hari yang sama. Pemerhatian awal mendapati terdapat banyak bangkai burung merpati di kawasan berkenaan, namun burung-burung lain yang berada di lokasi kelihatan sihat dan normal. Sehingga 5 Mei 2025, tiada kematian baru dilaporkan.

Pemeriksaan bedah siasat telah dijalankan ke atas tiga bangkai burung merpati. Pemeriksaan luaran tidak menunjukkan sebarang tanda signifikan yang dapat menjelaskan punca kematian. Namun, pemeriksaan dalaman mendapati kesemua burung mempunyai kandungan perut yang penuh serta beberapa penemuan signifikan, termasuk perubahan warna pada hati, kehadiran darah beku dalam rongga toraks, serta pendarahan pada trakea dan paru-paru.

Sampel organ dalaman seperti hati, jantung, buah pinggang, limpa, paru-paru, usus dan trakea telah dihantar untuk analisis makmal. Keputusan awal menunjukkan ujian bagi penyakit Avian Influenza (AI), Newcastle Disease (ND), dan Adenovirus adalah negatif. Pada masa ini, ujian keracunan sedang dijalankan oleh Jabatan Kimia untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Berdasarkan dapatan semasa, DVS mendapati bahawa penyakit berjangkit seperti AI, ND dan Adenovirus bukanlah faktor penyebab kematian burung merpati dalam insiden ini. Kesimpulan akhir hanya akan dapat dibuat setelah keputusan ujian keracunan diterima daripada Jabatan Kimia.

Sebagai langkah berjaga-jaga dan untuk melindungi keselamatan awam serta sektor penternakan negara dari risiko penyakit bawaan haiwan, DVS akan terus menjalankan pemantauan terhadap situasi semasa di Padang Ipoh.

Orang ramai turut diminta untuk melaporkan segera kepada DVS Negeri berhampiran atau hubungi talian *hotline* 03-8870 2041 sekiranya menemui bangkai burung atau haiwan lain yang kelihatan luar biasa atau mencurigakan. Kerjasama semua pihak amat penting dalam usaha pencegahan dan kawalan penyakit haiwan.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
8 MEI 2025**